The complete folder is available for RM38.10 and can be purchased at selected post offices nationwide or online via the Pos Malaysia website at www.pos.com.my/shop




**Making a mark:** A Pos Malaysia Berhad staff member showing off the commemorative stamps in Kuala Lumpur. – FAIHAN GHANI/The Star

# Raja Permaisuri Agong santuni ibu tunggal, anak yatim pada majlis berbuka puasa

BERNAMA




RAJA Zarith Sofiah berkenan menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor kepada ibu tunggal dan anak yatim di Istana Negara hari ini. FOTO Bernama.

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke majlis berbuka puasa bersama ibu tunggal dan anak-anak yatim di Istana Negara malam ini.

Majlis yang diadakan di Dewan Santapan Utama turut dihadiri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan Datuk Seri Noridah Abdul Rahim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Hanifuddin Roslan dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor Hishamuddin Abdul Rahim.

Pada majlis itu, Seri Paduka Baginda berkenan menyantuni dan mengurniakan sumbangan melalui Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor kepada ibu tunggal serta anak yatim dari sekitar ibu negara dan Johor.

Mereka terdiri daripada 60 ibu tunggal penerima sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Persatuan Usahawan Muslimah Johor serta 240 anak yatim dari Darul Kifayah, Pertubuhan Rahoma Darul Fakir Malaysia, Persatuan Kebajikan An-Najjah Malaysia, Yayasan Anak-Anak Yatim Wardatul Jannah, Asrama Kasih Serendah Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan Rumah Kasih Harmoni.

Raja Zarith Sofiah turut berkenan mengurniakan sumbangan kepada 20 pelajar Maahad Tahfiz Dhiya Ul Islah, Kampung Semarak.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda berkenan berangkat ke program tazkirah Ramadan dan menunaikan solat maghrib berjemaah di Surau Utama Istana Negara yang diimamkan Pegawai Agama Istana Negara Datuk Munir Md Salleh.

**Disiarkan pada: Mac 7, 2025 @ 10:52pm**




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PM: GOVT CAN LEAD IN WOMEN ENPOWERMENT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim launching the National Policy on Women at the International Women's Day celebration in Kuala Lumpur yesterday. Present are Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri (second from left), her deputy Datuk Seri Noraini Ahmad (second from right) and Anwar's wife, former women's minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (third from right).* NSTP PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

**NATIONAL POLICY ON WOMEN**

# PM: GOVT CAN LEAD IN WOMEN EMPOWERMENT

To persuade private sector, the public sector must set an example, says Anwar

IYLIA MARSYA ISKANDAR
**KUALA LUMPUR**
iyliamarsya@nst.com.my

THE government should set an example for the private sector by empowering women in leadership, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

At the International Women's Day celebration, he urged the chief secretary to the government to find ways to empower women in the civil service in line with their capabilities.

"While prominent women have held esteemed positions with commendable performance, their role in the public service requires further enhancement.

"I urge the chief secretary to the government to find ways to elevate women's role and position in line with their capabilities.

"They were chosen not because they are women, but for their credibility and outstanding track record.

"That is why the government must set an example.

"Although there has been progress, with 30 per cent of Jusa (Jawatan Utama Sektor Awam) and above positions held by women, there is still room for improvement."

At the event, he launched the National Policy on Women to enhance women's empowerment.

He said the private sector, especially large corporations, government-linked companies and government-linked investment companies, must evaluate why the number of women in leadership positions remained low.

"I believe the cabinet will prioritise this issue and request reports on it.

"Even if the numbers remain low, we should not rush promotions. Instead, we need careful planning.

"If the government does not set an example, it will be difficult to persuade the private sector to follow."

He said the situation in private companies was concerning, as women's participation in leadership was low and their access to training was limited.

He said with the growing importance of data centres and artificial intelligence, Malaysia must ensure women are included in technical and vocational education and training, university programmes, centres of excellence and major corporate initiatives.

"We will monitor this. I believe the Women, Family and Community Development Ministry should work with other ministries to oversee programmes that support women."

He said there must be a push for greater representation of women in politics.

"We need strong women leaders who can speak up about freedom and democracy, making full use of opportunities to express their perspectives in a way that contributes to nation-building."

He said all ministries must take the National Policy on Women and action plans into account when designing their programmes.

Present were Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri and her deputy, Datuk Seri Noraini Ahmad.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, in a Facebook post, described women as the cornerstone of the "first madrasah", symbolising strength and resilience within families, communities and the nation.

He urged the country to advocate for inclusive policies that empowered women, recognising their significant contributions.

Acknowledging the progress in women representation in politics, he highlighted the steps towards more inclusive leadership.

He called for attention to key social and economic issues, such as the gender pay gap, social protection, health rights and violence against women.

He said the theme for this year's International Women's Day, "Wanita Beraspirasi Membina Legasi" (Women Aspiring to Build a Legacy), was a tribute to women from all walks of life, reflecting their unwavering spirit in pursuing their dreams and their commitment to lasting change.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, in a social media post, acknowledged the significant roles women play as mothers, leaders and educators, as well as their contributions to national progress.

"Keep aspiring, keep building a legacy."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA PERLU DIBERI PELUANG SECUKUPNYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## Wanita perlu diberi peluang secukupnya dalam pembangunan negara

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu ruang dan peluang secukupnya diberikan kepada golongan wanita dalam semua aspek pembangunan negara.

Beliau berkata, perkara itu perlu diberi perhatian memandangkan masih ada kekurangan keterlibatan golongan wanita termasuk pada peringkat pembuat dasar.

Anwar berkata setiap kementerian perlu menumpukan program anjuran bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ke arah memperkasakan golongan wanita.



**PELANCARAN:** PM Anwar (tiga kiri) melancarkan Dasar Wanita Negara pada Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

"Setiap kementerian, bicara soal perpaduan ada peranan wanita. Kena ada komunikasi, mesti beri ruang yang secukupnya kepada wanita dalam kalangan penjawat awam walaupun kita saksikan beberapa tokoh utama yang diberikan ruang, kedudukan yang baik dengan prestasi yang membanggakan.

Lihat Muka 2

## Wanita perlu diberi peluang secukupnya dalam pembangunan negara

Dari Muka 1

"Saya gesa Ketua Setiausaha Negara supaya mencari jalan meningkatkan peranan dan kedudukan wanita setimpal dengan keupayaan mereka," kata beliau ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri serta Timbalannya Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Selaras tema sambutan tahun ini 'Wanita Beraspirasi Membina Legasi', Anwar berkata walaupun ketika ini terdapat peningkatan lantikan 30 peratus gred jawatan utama sektor awam (JUSA) dalam kalangan wanita dalam perkhidmatan awam, ia masih boleh diperbaiki.

Dalampadaitu, Perdana Menteri turut menggesa sektor swasta meneliti faktor kekurangan wanita di peringkat tertinggi pengurusan syarikat dan menambah jumlah penglibatan mereka.

"Kalau pun kurang, tidak harus dipaksa, diangkat sekarang tetapi perlu ada perencanaan yang teliti.

"Kalau kerajaan tidak menunjukkan contoh permulaannya, saya fikir (nanti) sukar digesa. Saya akan cakap dengan pihak swasta… agak parah kerana penyertaan mereka yang sangat minimum (di peringkat tertinggi pengurusan syarikat)," kata beliau.

Anwar berkata peranan wanita adalah integral kerana mereka paksi dalam kehidupan masyarakat dan memperkukuh pembangunan negara.

Dalam pada itu, beliau berkata penyertaan wanita dalam dunia politik perlu terus ditingkatkan kerana undi wanita juga memainkan peranan signifikan.

"Calon-calon banyak bergantung kepada undi wanita tetapi penyertaan wanita di Parlimen sangat tidak memenuhi sasaran kita yang awalnya sekitar 14 peratus, walaupun sasaran kita sekurang-kurangnya 30 peratus.

"Saya fikir ini ruang bagi pimpinan wanita untuk menyatakan tuntutan mereka sebagai syarat menyokong parti-parti dengan memastikan parti memberikan peluang untuk tokoh-tokoh wanita menjadi wakil," katanya. — Bernama




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BIGGER ROOM FOR IMPROVEMENT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bigger room for improvement

## PM calls for greater role, more opportunities for women in nation's development

**KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim wants adequate space and opportunities to be given to women in all aspects of the nation's development.**

He said that attention must be given to this matter since there was a lack of involvement among women, including at the policy-making level.

He stressed that every ministry should focus on joint programmes with the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) to empower women.

"Every ministry, when discussing unity, has a role for women.

"There must be communication and sufficient space given to women among civil servants, although we have seen some key figures who have been given space and positions have produced impressive performances.

"I urge the Chief Secretary to the Government to find ways to enhance the role and position of women commensurate with their capabilities," he said at the 2025 International Women's Day celebration at the World Trade Centre (WTC) here yesterday.

Also present were the Prime Minister's wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri; and her deputy Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

With this year's celebration themed 'Wanita Beraspirasi Membina Legasi', Anwar said that although there had been a 30 per cent increase in the appointment of women in the JUSA Grade in the civil service, there was still room for improvement.

The Prime Minister also urged the private sector to examine the factors behind the lack of women at the highest levels of company management and to increase their participation.

"Even if it is lacking, it should not be forced or pushed (for promotion) now, but there must be proper planning.

"If the government doesn't set an example from the start, I think it will be difficult to encourage this (later).

"I will speak with the private sector. It's quite serious because their participation is quite minimal," he said.

Elaborating, Anwar said the role of women was integral because they were 'the axis in the life of society and strengthen the development of the country'.

He added that women's participation in politics needed to be enhanced because women's votes also played a significant role.

"Candidates rely greatly on women's votes but the participation of women in Parliament still does not meet our initial target of around 14 per cent, although our goal is at least 30 per cent.

"I think this is the space for women leaders to state their demands as a condition for supporting (political) parties, by ensuring that the parties provide opportunities for women figures to become (elected) representatives," said Anwar. — Bernama



Anwar performs the gimmick to launch the event at WTC Kuala Lumpur. He is flanked by his wife Dr Wan Azizah and Nancy (second left). — Bernama photo

> Every ministry, when discussing unity, has a role for women. There must be communication and sufficient space given to women among civil servants, although we have seen some key figures who have been given space and positions have produced impressive performances.
> — Datuk Seri Anwar Ibrahim, Prime Minister

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAIKAN KEBERANIAN DAN PENGORBANAN WANITA: PM ANWAR | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Raikan keberanian dan pengorbanan wanita: PM Anwar

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Hari Wanita yang disambut semalam adalah bagi meraikan keberanian, pengorbanan dan peranan luar biasa wanita dalam membentuk masyarakat yang lebih adil dan sejahtera.

Menerusi hantaran di Facebook semalam, Anwar turut menyifatkan ibunya Allahyarham Che Yan Hamid Hussein dan isteri tercintanya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai sumber kekuatan dalam menuntut keadilan serta meneruskan perjuangan demi rakyat.

Dalam hantaran sama, Perdana Menteri turut berkongsi sekeping gambar beliau serta Wan Azizah bersama Allahyarham Che Yan Hamid Hussein.

"Semoga kita terus memperjuangkan hak dan martabat wanita, memastikan mereka diberi ruang dan peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan," katanya yang turut mengucapkan ucapan Selamat Hari Wanita. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ALLAHYARHAM IBU, ISTERI WANITA TERPENTING DALAM HIDUP SAYA: ANWAR | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Allahyarham ibu, isteri wanita terpenting dalam hidup saya: Anwar

**Datuk** Seri Anwar Ibrahim berkata, dua wanita terpenting dalam hidupnya adalah ibu, Allahyarham Che Yan Hamid Hussein dan isteri tercinta, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Perdana Menteri turut menyifatkan, mereka adalah tulang belakangnya dan sumber kekuatan dalam menuntut keadilan serta meneruskan perjuangan demi rakyat.

"Hari ini, kita meraikan keberanian, pengorbanan dan peranan luar biasa wanita dalam membentuk masyarakat yang lebih adil dan sejahtera.

"Semoga kita terus memperjuangkan hak dan martabat wanita, memastikan mereka diberi ruang dan peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan.

"Selamat Hari Wanita," katanya menerusi Facebook.

Menerusi ucapannya itu, Perdana Menteri turut memaparkan gambar kenangannya bersama arwah ibu dan isteri.



*Gambar kenangan Anwar bersama ibunya, Allahyarham Che Yan dan Dr Wan Azizah.* (Foto ihsan Facebook Anwar Ibrahim)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'THEY ARE MY BACKBONE, STRENGTH' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'They are my backbone, strength'

## PM reflects on the two women who shaped his life – his mother and wife

By **JUNAID IBRAHIM**
junaid.ibrahim@thestar.com.my






**Wonder women:** (Left) Anwar together with Wan Azizah and his mother in this photo taken from his Facebook page. (Top) Anwar and Wan Azizah posing with (from left) Women, Family and Community Development secretary-general Datuk Dr Maziah Che Yusoff, Nancy, deputy minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad and deputy-director general Hanani Sapit at the launch of 2025 International Women Day in Kuala Lumpur. — FAIHAN GHANI/The Star

**KUALA LUMPUR:** It was a faded photo of Datuk Seri Anwar Ibrahim, showing him standing next to his wife and mother in their younger days.

But it held significance for the Prime Minister, as he pointed out that Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and his late mother Che Yan Hamid Hussein were the two most important women in his life.

"They are my backbone, a source of strength in demanding for justice and continuing the struggle for the people," he said in his social media post yesterday to mark International Women's Day.

Referring to the occasion, he said that it was a day to celebrate "the courage, sacrifice, and extraordinary role of women in shaping a more just and prosperous society".

"We will continue to fight for the rights and dignity of women, ensuring that they are given equal space and opportunities in all aspects of life," he said.

Yesterday, Anwar was also present at an event to celebrate International Women's Day.

In his speech, he said the government sector should set an example for private companies in empowering women in leadership roles.

While the leadership in the public sector had shown an increase in female participation, he said more can be done within government-linked companies.

"If the government could not prove that female's participation in the top leadership is possible, then it will be harder for the private sectors to do the same," he said.

Anwar also launched the National Women's Policy during the event.

All ministries should pay attention to it to ensure the implementation of policies and action plans related to female empowerment, he said.

Also present yesterday was Women, Family, and Community Development Minister Datuk Nancy Shukri.

She urged for women's empowerment to be prioritised as a key agenda in the national development to build an inclusive and progressive Malaysia.

This could be achieved through the implementation of strategic measures to further boost women's involvement in key decision-making roles and shape the nation's direction.

She said that this year's theme "Wanita Beraspirasi, Membina Legasi"was selected to emphasise that women, too, can realise their dreams in various fields including economy, politics, education, technology and society.

However, she acknowledged that empowering women in Malaysia was not without its challenges.

"The society needs to eliminate the stigma against women who choose to pursue a career, while individuals must also continue to fight for their rights and opportunities," she said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA SIMBOL KEKUATAN, KETABAHAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita simbol kekuatan, ketabahan

## Sumbangannya amat besar dalam membentuk keluarga, masyarakat dan negara

**KUALA LUMPUR: Golongan wanita menjadi asas bagi 'madrasah pertama' dan merupakan sistem sokongan terhadap keluarga, masyarakat dan negara, kata Timbalan Perdana Menteri Dato Sri Fadillah Yusof.**

Menerusi hantaran di Facebook, beliau berkata wanita juga simbol kekuatan dan ketabahan yang amat besar sumbangannya dalam membentuk keluarga, masyarakat dan negara.

"Justeru kita harus mendukung apa jua dasar inklusif ke arah memperkasakan golongan hawa ini demi kesejahteraan dan kemajuan wanita Malaysia.

"Sempena Hari Wanita Sedunia 2025, kita wajar meraikan sumbangan dan kejayaan besar golongan wanita dalam membangunkan masyarakat dan negara serta peranan wanita yang semakin berkembang dalam pelbagai bidang," katanya.

> "Sempena Hari Wanita Sedunia 2025, kita wajar meraikan sumbangan dan kejayaan besar golongan wanita dalam membangunkan masyarakat dan negara serta peranan wanita yang semakin berkembang dalam pelbagai bidang."
>
> **Dato Sri Fadillah Yusof**
> *Timbalan Perdana Menteri*

Fadillah berkata dalam arena politik, penglibatan wanita sebagai Ahli Parlimen telah menunjukkan peningkatan yang lebih baik dan menjadi langkah positif ke arah kepimpinan yang lebih inklusif.

Beliau berkata dalam konteks sosial dan ekonomi, jurang pendapatan antara wanita dan lelaki, perlindungan sosial, hak kesihatan, serta hal-hal melibatkan keganasan terhadap wanita, wajar diberikan perhatian oleh pihak berkuasa dan masyarakat secara berterusan.

Dengan tema sambutan tahun ini 'Wanita Beraspirasi Membina Legasi', Fadillah berkata ia merupakan simbolik penghargaan kepada wanita tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi atau politik.

Beliau berkata, tema itu merujuk kepada semangat wanita untuk mencapai impian dan mengangkat usaha wanita demi mencipta perubahan yang berkekalan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam usaha memperkasakan lagi wanita, kerajaan MADANI turut menyediakan pelbagai inisiatif menarik yang dizahirkan menerusi pembentangan Belanjawan 2025.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di laman Facebooknya turut menzahirkan ucapan Selamat Hari Wanita Antarabangsa 2025 kepada semua wanita hebat di Malaysia.

"Wanita, seorang ibu, pemimpin, pendidik bukan sekadar tulang belakang sesebuah keluarga, tetapi juga pencorak kemajuan masyarakat dan negara.

"Teruslah beraspirasi, teruslah mencipta legasi!" kata Ahmad Zahid. — Bernama

# Menteri, timbalan menteri ucap selamat Hari Wanita Antarabangsa 2025

Bernama
08/03/2025 12:45 MYT




*Fahmi Fadzil dalam catatan di Facebook berkata sambutan hari ini adalah sebagai meraikan ketabahan, keberanian dan sumbangan luar biasa wanita dalam hidup semua insan.*

**KUALA LUMPUR:** Beberapa Menteri dan Timbalan Menteri mengucapkan selamat Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang disambut di seluruh dunia hari ini.

Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil dalam catatan di Facebook berkata sambutan hari ini adalah sebagai meraikan ketabahan, keberanian dan sumbangan luar biasa wanita dalam hidup semua insan.

"Semoga mereka terus dikurniakan kekuatan untuk mengejar impian, melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan, serta dihargai untuk setiap pengorbanan dan kejayaan.

"Buat ibu dan isteri tercinta... terima kasih atas kasih sayang yang tak ternilai. Teruskan menginspirasi. Selamat Hari Wanita!," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata sambutan Hari Wanita Antarabangsa merupakan hari untuk semua pihak menghargai dan meraikan peranan penting kaum wanita di seluruh dunia yang punyai kekuatan dan potensi luar biasa untuk mendorong perubahan positif dalam masyarakat.

"Hari ini juga mengingatkan kita untuk terus berjuang dan berusaha untuk memperkasa peranan dan hak wanita dalam usaha untuk membina dunia yang lebih adil dan seimbang.

"Tarikh 8 Mac setiap tahun amat signifikan khususnya kepada golongan wanita kerana kita meraikan Hari Wanita Antarabangsa. Di kesempatan bermakna ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa 2025 dengan tema 'Wanita Beraspirasi Membina Legasi'," katanya menerusi catatan di Facebook.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang pula berkata tema sambutan tahun ini amat bertepatan dalam mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara.

"Wanita hari ini bukan sekadar pelengkap kepada masyarakat, tetapi mereka adalah pencetus perubahan dan pemangkin kemajuan.

"Sejarah telah membuktikan bahawa wanita berperanan besar dalam membangunkan negara. Daripada tokoh kepimpinan, pendidik, ahli ekonomi, pejuang hak asasi, hingga ke barisan hadapan dalam pelbagai sektor, wanita telah menunjukkan kecekalan, keberanian, dan kebijaksanaan dalam menghadapi pelbagai cabaran. Selamat Hari Wanita buat semua wanita di negara ini!," katanya dalam catatan di Facebook.

Turut mengucapkan selamat Hari Wanita Antarabangsa 2025 ialah Timbalan Menteri Komunikasi Teo Nie Ching dan Timbalan Menteri Perpaduan Negara Saraswathy Kandasami.

Teo dalam catatan di Facebook menyeru semua pihak agar bersama-sama mencipta ruang yang lebih adil untuk wanita, bagi memastikan mereka dapat berkembang serta menyumbang kepada negara tanpa halangan.

"Mengambil contoh kepimpinan dan politik di peringkat Parlimen, kita hanya mempunyai 13.5 peratus Ahli Parlimen wanita dan 16.1 peratus wanita di peringkat Kabinet Kerajaan MADANI. Ini menunjukkan keperluan untuk menarik lebih ramai wanita terlibat dalam pembuatan dasar serta pentadbiran negara.

"Dengan sokongan dan komitmen semua, kita dapat mencapai kesaksamaan gender yang sebenar dan membina masa depan yang lebih cerah untuk semua," katanya.

Saraswathy pula berharap sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 dapat memberi inspirasi kepada semua wanita untuk terus maju dengan penuh keyakinan, keberanian dan keazaman serta menjadi sumber inspirasi kepada generasi akan datang.

# PM Anwar extends financial aid to family of deceased accident victim in Kuantan



Prime Minister Anwar Ibrahim's political secretary Datuk Ahmad Farhan Fauzi delivers aid to the family of the late Abu Hanifah Yusof, who recently died in a road accident. — Picture via Facebook/Anwar Ibrahim

*Saturday, 08 Mar 2025 3:31 PM MYT*

KUALA LUMPUR, March 8 — Datuk Seri Anwar Ibrahim has extended financial assistance to the family of the late Abu Hanifah Yusof, who recently died in a road accident.

The contribution was delivered by the Prime Minister's political secretary, Datuk Ahmad Farhan Fauzi, during his visit to the family in Kampung Cherating Baru in Kuantan.

In a post on Facebook, Ahmad Farhan said Abu Hanifah left behind a wife and three children, including one who recently completed the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination and two younger siblings with disabilities requiring special care.

"Now, their mother is their sole provider. I visited not only to offer condolences but also to deliver financial aid from the Prime Minister as a gesture of compassion.

"I encouraged the mother and eldest child to stay strong in facing life's challenges. May our presence bring them some relief and their daily trials eased," he said in the post also shared by Anwar.

He also urged Muslims to pray for Abu Hanifah's soul to be blessed and placed among the righteous. — Bernama

# KUSKOP sedia bekerjasama dengan KPWKM

March 8, 2025, Sabtu - 12:07pm




PRIHATIN: Ewon (tiga kiri) menyempurnakan simbolik penyampaian sumbangan kepada salah satu penerima, turut kelihatan Armizan (dua kiri) serta tetamu kehormat yang lain.

PAPAR: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sedia bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) membangunkan bakat keusahawanan dalam kalangan belia dan remaja yang berada di rumah kebajikan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, pihaknya mengalu-alukan cadangan daripada pusat kebajikan, khususnya rumah kanak-kanak, dalam mengenal pasti penghuni yang mempunyai minat dan potensi dalam bidang keusahawanan.

"Saya mengalu-alukan cadangan daripada pusat kebajikan, terutamanya rumah kanak-kanak, sekiranya ada bakat dan minat dalam keusahawanan dalam kalangan penghuni yang dapat digilap sepanjang mereka berada di rumah kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Jangkauan Komuniti Madani, Program Penyerahan Sumbangan dan Bazar Kasih Ramadan, di Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Beringis, di sini, hari ini.

Ewon berkata, kementeriannya menyediakan pelbagai skim keusahawanan, termasuk Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), yang boleh dimanfaatkan bagi membantu golongan muda membangunkan kemahiran perniagaan mereka.

"Dengan ketersediaan skim-skim keusahawanan di kementerian, kita boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya. Ini antara peranan dan tanggungjawab kita dalam membangunkan usahawan di kalangan belia," katanya.

Walaupun terdapat kerjasama sedia ada antara kedua-dua kementerian, beliau menegaskan bahawa usaha itu boleh diperkasakan lagi, khususnya untuk rumah kanak-kanak.

"Apa yang sesuai dalam konteks keusahawanan, itu yang kita boleh salurkan kepada kanak-kanak, terutama belia remaja.

"Oleh itu, saya mengalu-alukan cadangan daripada pengetua rumah kanak-kanak kerana mereka lebih mengetahui penghuni di sini yang boleh dibangunkan menjadi sebahagian daripada pelengkap usaha kementerian dalam melahirkan lebih ramai usahawan belia," katanya.

Beliau berharap inisiatif ini dapat memberi manfaat jangka panjang kepada penghuni rumah kanak-kanak dan membantu mereka membina masa depan yang lebih cerah dalam bidang keusahawanan.

Mengenai program itu Ewon berkata, Bank Rakyat menyalurkan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu dan RM6,000 kepada Rumah Anak Yatim As-Sakinah.

"Saya hargai inisiatif Bank Rakyat melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat ini dalam membantu golongan yang memerlukan fokus tambahan kita. Semoga ini dapat membantu keperluan serta memberikan keceriaan kepada kanak-kanak di kedua-dua rumah ini," katanya.

Hadir sama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Ali yang juga Ahli Parlimen Papar dan Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarak.

# Wanita Malaysia pemacu piawaian global dalam pelbagai industri

NOR SYAZRINA MUHAMAD TAHIR Follow

08 Mac 2025 11:59am



Fadilah, Saral

SHAH ALAM - Wanita Malaysia memainkan peranan penting dalam menetapkan piawaian global yang memastikan keselamatan, kualiti dan keadilan pelbagai industri.

Bekas Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), Datuk Fadilah Baharin berkata, piawaian memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan, daripada mainan kanak-kanak sehingga sistem kewangan yang digunakan setiap hari.

"Pada Hari Wanita Antarabangsa ini, kita raikan wanita hebat yang memastikan dunia lebih selamat, lebih cekap dan adil.

"Membuktikan bahawa apabila wanita menetapkan piawaian, dunia menjadi lebih baik untuk semua," katanya pada Sabtu.

Terdahulu, Fadilah telah berjaya membangunkan lebih 6,000 Piawaian Malaysia termasuk piawaian halal pertama di dunia yang kini menjadi penanda aras global.

Sementara itu, Setiausaha Agung, Persatuan Pengguna-pengguna Standards Malaysia, Saral James Maniam berkata, antara wanita menerajui piawaian dalam pelbagai bidang termasuk Bekas Duta Besar Malaysia ke Belanda, Allahyarhamah Datuk Noor Farida Ariffin yang memperjuangkan tempat kerja lebih inklusif melalui kepelbagaian serta keterangkuman.

Menurutnya, wanita lain turut menerajui dalam bidang perniagaan dan teknologi adalah usahawan, Vivy Yusof yang menetapkan standard antarabangsa bagi produk kecantikan halal.

Tambah beliau, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat fintech Pod, Nadia Ismadi, juga membantu wanita mendapatkan akses kewangan dengan mematuhi piawaian pemesejan kewangan sejagat (ISO 20022).

"Turut memainkan peranan dalam menetapkan piawaian keselamatan angkasa lepas, Tan Sri Dr Mazlan Othman. Piawaian bukan sekadar dokumen teknikal, ia mempengaruhi kehidupan kita setiap hari, daripada keselamatan makanan, tempat kerja, hingga dunia digital, semuanya melalui piawaian.

"Bagi memastikan keperluan semua pihak diambil kira, lebih ramai wanita perlu terlibat dalam menetapkan piawaian dan akan membawa kepada polisi lebih inklusif untuk keselamatan dan hak wanita; keputusan yang lebih adil dalam pelbagai industri dan inovasi lebih baik dalam kesihatan, teknologi dan kewangan," ujarnya.

Beliau berkata, wanita Malaysia telah membentuk piawaian global dan terus menjadi pemacu utama inovasi, keselamatan serta kesaksamaan.

"Jadi, setiap kali anda menggunakan produk halal, membuat transaksi selamat dalam talian atau bekerja dalam persekitaran selamat, ingat, wanita membantu menetapkan piawaian yang menjadikannya mungkin!," jelasnya.

# Hari Wanita Sedunia: Seruan perkasa kepimpinan wanita, lonjak penyertaan politik

Nasional - Dicipta: 08 Mac 2025 11:39 AM - Kemas kini: 08 Mac 2025 11:39 AM




*FOTO FB Teo Nie Ching (张念群)*

***KUALA LUMPUR, 8 Mac-*** Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia tahun ini, Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching mahu semua pihak mengangkat serta memberi sokongan lebih jitu kepada para wanita khususnya di negara ini.

Ia termasuk memberi lebih banyak ruang kepada golongan itu dalam pembuatan dasar serta pentadbiran negara.

Beliau menerusi hantarannya di Facebook, mahu golongan wanita lebih memperkasa kepimpinan dan memperluas pendedahan mereka dalam bidang politik.

Katanya, setakat ini hanya 13.5 peratus wanita yang aktif di peringkat parlimen dan 16.1 peratus di peringkat kabinet Kerajaan MADANI.

Beliau menyeru agar ruang lebih banyak dan adil diberikan kepada golongan itu bagi memastikan mereka mampu berkembang dan menyumbang tanpa halangan.

Katanya, dengan sokongan dan komitmen semua pihak, kesaksamaan jantina yang sebenar dapat dicapai sekaligus membina masa depan yang lebih cerah untuk negara.

# Kesedaran umum terhadap peluang kepada golongan wanita masih rendah - Aiman Athirah

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Mac 8, 2025 @ 11:46am
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my




KUALA LUMPUR: Walaupun Hari Wanita sudah disambut sejak 116 tahun lamanya, pencapaiannya daripada pelbagai sudut, kesedaran umum termasuk peringkat tertinggi kepimpinan dilihat masih rendah.

Ketua Wanita Pakatan Harapan, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata ruang, peluang dan akses untuk wanita dan gadis mengambil bahagian dalam pelbagai bidang masih dipenuhi dengan pelbagai hambatan dan kekangan yang bukan sahaja bersifat budaya, tetapi stereotaip gender serta sistemik yang memerlukan usaha keras dan taktikal pantas.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, kekurangan pembabitan wanita itu perlu dilihat daripada empat sudut utama iaitu pembabitan dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan politik.

"Daripada empat bidang ini, ternyata jurang penglibatan dalam bidang kepimpinan dan politik adalah terlalu jauh, hatta semakin membesar khususnya selepas pandemik COVID-19 melanda dunia.

"Kita memerlukan lebih 130 tahun untuk mencapai kesetaraan ruang, peluang dan akses kepada wanita-wanita kita.

"Justeru itulah, tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang diangkat pada tahun ini perlu difahami, dihadam dan diinsafi oleh kita semua khususnya pemimpin organisasi politik bahawa ada amanah dan tanggungjawab besar yang perlu kita langsaikan secara berani, tanpa tangguh dan tanpa kompromi," katanya dalam kenyataan hari ini.




Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Aiman Athirah Sabu. - foto BERNAMA

Tema Hari Wanita peringkat Antarabangsa pada tahun ini ialah *'Accelerate Action'*, atau 'Mempercepatkan Tindakan'.

Aiman Athirah berkata, kesaksamaan dan keterangkuman terhadap wanita tidak boleh menunggu, dan disebabkan itu semua peringkat kepimpinan dan sektor masyarakat perlu bekerjasama untuk mempercepatkan langkah kemajuan bagi hak dan pemerkasaan wanita.

"Pada hari yang istimewa ini, marilah kita bersama-sama menghargai dan meraikan sumbangan, kekuatan, serta ketabahan wanita dalam semua aspek kehidupan.

"Wanita adalah nadi kepada keluarga, komuniti, masyarakat, negara dan dunia. Wanita memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan yang lebih inklusif dan seimbang," katanya.

Tambahnya, tema Hari Wanita pada tahun ini yang diangkat di peringkat negara "Wanita Beraspirasi, Membina Legasi" pula seiring mengingatkan masyarakat betapa pentingnya memberikan sokongan, peluang, dan hak yang sama kepada setiap wanita untuk mencapai potensi sepenuhnya.

"Setiap langkah yang kita ambil pada setiap hari akan membawa impak besar kepada generasi dan dunia akan datang.

"Marilah kita terus memperjuangkan tindakan keterangkuman gender, menghapuskan diskriminasi dan memastikan setiap wanita dapat hidup secara bermaruah.

"Terima kasih kepada semua wanita yang menjadi inspirasi, pemimpin, dan ejen perubahan dalam kehidupan kita dan dunia," katanya.

# Wanita masih tersisih, hak dan kesamarataan belum terlaksana - PSM

AZLEENDA SAHALUDIN

08 Mac 2025 10:14am




Danaletchumi Langaswaran

SHAH ALAM - Walaupun Malaysia telah mengalami beberapa pertukaran kerajaan sejak 2018, namun sehingga kini masih tiada wanita yang menerajui tampuk pemerintahan negara.

Penglibatan golongan itu juga dalam arena politik masih rendah dengan hanya 13.4 peratus ahli Parlimen, iaitu lebih rendah berbanding 14.9 peratus pada penggal sebelumnya.

Setiausaha Parti Sosialis Malaysia Negeri (PSM) Perak, Danaletchumi Langaswaran berkata, keadaan ini menunjukkan berlakunya ketidaksamarataan antara gender yang masih ketara dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Setiap kali 8 Mac, sering kali diucapkan Selamat Hari Wanita, namun adakah makna sebenar ucapan ini telah direalisasikan?

"Persoalan ini masih belum terjawab, melihat kepada kedudukan dan status wanita di peringkat nasional mahupun global. Bagaimana kita mengukur kebebasan dan kesamarataan wanita, perkara itu masih menjadi satu teka-teki," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Tambah Danaletchumi, golongan ini juga berdepan dengan isu ketidaksamaan dalam pendapatan apabila Laporan Institut Penyelidikan Khazanah pada Oktober 2024 mendedahkan mereka masih menerima gaji purata RM1,242 sebulan.

Manakala, dalam sektor pekerjaan sokongan perkeranian yang di dominasi wanita, sebanyak 68.4 peratus hanya menerima gaji sekitar RM496 sebulan lebih rendah berbanding lelaki.

"Keadaan ini jelas menunjukkan wanita sering dipinggirkan daripada pengiktirafan walaupun mereka mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk tempat kerja, sukan dan politik.

"Kejayaan lelaki pula sering diagungkan, sementara wanita lebih kerap dikritik berdasarkan penampilan berbanding kebolehan mereka," katanya lagi.

Justeru, Danaletchumi menegaskan, hak dan kesamarataan perlu diberikan kepada semua individu tanpa mengira gender, kaum dan ideologi.

Beliau menambah, diskriminasi terhadap wanita harus dihapuskan sepenuhnya agar sambutan Hari Wanita benar-benar membawa makna yang mendalam.

# Gaji wanita lebih rendah, jurang pendapatan mengikut jantina semakin besar - Laporan

Khalis Khadir
08/03/2025 15:37 MYT



*Pada tahun 2023, gaji median bulanan bagi graduan lelaki ialah RM4,800, berbanding RM4,350 bagi graduan wanita. - Gambar fail/Bernama*

**KUALA LUMPUR:** Wanita di Malaysia menerima gaji yang lebih rendah berbanding lelaki dan lebih membimbangkan apabila jurang ini semakin melebar.

Bagi keseluruhan pekerjaan, seorang pekerja wanita memperoleh gaji median sebanyak RM2,464 sebulan pada tahun 2023, manakala lelaki menerima RM2,675.

Ini bermaksud, wanita secara amnya dibayar 7.9 peratus lebih rendah daripada lelaki, satu jurang yang semakin besar berbanding 4.9 peratus pada 2018.

Ketika ini, terdapat lebih ramai profesional wanita dalam pelbagai bidang di Malaysia, kira-kira 6,400 lebih ramai berbanding lelaki, namun mereka masih memperoleh kira-kira 19 peratus kurang daripada rakan sekerja lelaki mereka.

Perkara ini berdasarkan pengiraan gaji median bulanan yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagaimanapun, memetik laporan *The Star*, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengecilkan jurang ini.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedang meneliti usaha untuk memperketatkan penguatkuasaan undang-undang termasuk memperkenalkan hukuman lebih berat terhadap majikan yang didapati bersalah dalam isu perbezaan gaji berasaskan jantina.

"Kementerian mungkin akan memastikan majikan mematuhi peraturan yang menetapkan amalan gaji tanpa diskriminasi, selaras dengan Akta Kerja," kata KESUMA.

Kerajaan juga sedang membangunkan Dasar Tenaga Kerja dan Sumber Manusia Kebangsaan yang akan merangkumi peruntukan untuk menangani isu berkaitan jantina seperti jurang gaji ini.

"Dasar ini mungkin akan mengandungi cadangan untuk pembayaran gaji yang sama bagi kerja yang sama, meningkatkan kesaksamaan di tempat kerja serta langkah-langkah untuk mengurangkan diskriminasi dalam pengambilan pekerja, kenaikan pangkat, dan gaji," tambahnya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kerajaan juga sedang meneliti usaha untuk memperluaskan industri penjagaan bagi membantu wanita kembali bekerja sambil mengekalkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan.

Beliau berkata, kerajaan akan memperjuangkan peningkatan bilangan penjaga profesional bagi warga emas, kanak-kanak dan golongan kurang upaya memandangkan tanggungjawab menjaga keluarga sinonim kepada wanita.

"Saya secara peribadi berpendapat bahawa kita mesti mempercepatkan usaha untuk mewujudkan persekitaran di mana wanita mendapat peluang yang adil untuk menyertai tenaga kerja sepenuhnya," kata Nancy sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang diraikan pada 8 Mac.

Usaha lain termasuk mempromosikan program peningkatan dan penyesuaian kemahiran untuk membantu wanita memasuki sektor yang berkembang pesat dan menawarkan gaji lebih tinggi.

"Walaupun terdapat kemajuan, wanita di Malaysia masih menerima gaji yang lebih rendah berbanding lelaki untuk peranan dan tanggungjawab yang sama. Jurang ini lebih ketara dalam industri tertentu dan dalam kalangan ibu yang bekerja di mana kebanyakannya menghadapi cabaran untuk kembali ke tempat kerja kerana tanggungjawab menjaga keluarga," tambahnya.

Sementara itu, menurut KESUMA, berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), jurang gaji antara lelaki dan wanita semakin baik tetapi masih terdapat perbezaan ketara dalam pelbagai sektor dan jawatan.

"Lelaki secara konsisten memperoleh pendapatan lebih tinggi daripada wanita, walaupun dalam sektor di mana wanita mempunyai kehadiran yang besar," katanya kepada *The Star.*

Berdasarkan data DOSM, wanita yang bekerja dalam bidang profesional seperti akauntan, doktor, peguam dan guru memperoleh gaji median sebanyak RM5,046 sebulan pada tahun 2023.

Namun, jumlah ini 18.6 peratus lebih rendah daripada RM6,201 yang diterima oleh profesional lelaki, menurut laporan Statistik Pemerkasaan Wanita dalam Domain Terpilih oleh jabatan tersebut.

Keadaan yang sama berlaku dalam kalangan pengurus apabila wanita memperoleh 17.3 peratus lebih rendah daripada lelaki.

Sementara itu, graduan lelaki terus menerima gaji lebih tinggi berbanding wanita sepanjang tahun-tahun lalu, seperti yang ditunjukkan dalam Statistik Graduan jabatan itu.

Pada tahun 2023, gaji median bulanan bagi graduan lelaki ialah RM4,800, berbanding RM4,350 bagi graduan wanita.

Di seluruh 16 negeri dan wilayah di Malaysia, pekerja di Selangor mengalami jurang gaji terbesar antara lelaki dan wanita.

Pekerja wanita di negeri itu memperoleh 19.7 peratus lebih rendah daripada lelaki, dengan gaji purata bulanan sebanyak RM3,426 berbanding RM4,267 yang diterima oleh lelaki.

Kuala Lumpur menduduki tempat kedua dengan jurang gaji 15.5 peratus, diikuti oleh Johor dengan 9.6 peratus.

Menariknya, lapan negeri di Malaysia merekodkan purata gaji di mana wanita memperoleh lebih banyak daripada lelaki, dengan wanita Kelantan berada di tangga teratas.

Pekerja wanita di Kelantan membawa pulang gaji purata RM3,180, iaitu 18 peratus lebih tinggi berbanding RM2,695 yang diterima lelaki.

Bagi mengurangkan jurang ini, Nancy pula berkata, kementeriannya komited untuk terus memperjuangkan pemerkasaan wanita dan kesaksamaan jantina.

Tahun ini, Malaysia akan menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2025 dengan tema "Wanita Beraspirasi, Membina Legasi".

"Tema ini mengingatkan kita bahawa wanita bukan sahaja membentuk masa depan mereka sendiri, tetapi juga meninggalkan impak yang berkekalan terhadap keluarga, masyarakat dan negara," katanya.

Nancy menambah, usaha untuk memperkukuh kedudukan wanita bukan hanya terletak pada bahu kerajaan, tetapi juga memerlukan sokongan daripada majikan, pembuat dasar, komuniti, dan keluarga.

"Majikan perlu terus menambah baik dasar sumber manusia mereka untuk menawarkan gaji lebih baik kepada wanita serta memastikan peluang kenaikan pangkat yang sama rata. Satu aspek penting yang memerlukan tindakan segera adalah penyertaan wanita dalam politik dan peranan membuat keputusan.

"Ketika ini, hanya 13.5 peratus Ahli Parlimen di Malaysia terdiri daripada wanita, satu kadar yang masih terlalu rendah.

Kita memerlukan lebih ramai wanita dalam arena ini, bukan sahaja untuk mewakili suara separuh daripada populasi kita tetapi juga untuk merangka dasar yang lebih inklusif demi manfaat masyarakat secara keseluruhan," ujarnya. - *Agensi*

# The Asean chair awaits: can Malaysia deliver on gender equality? — Vasanthi Ramachandran

*Saturday, 08 Mar 2025 4:00 PM MYT*

MARCH 8 — Happy Women's Day!

Malaysia has assumed the Asean Chairmanship in 2025, we must confront a crucial reality-are we ready to lead on gender equality while ranking among the lowest globally?

When the Philippines held the Asean chairmanship in 2017, it ranked 10th out of 144 countries in the World Economic Forum's Global Gender Gap Report — higher than any other Asia-Pacific country except New Zealand. Then, Malaysia ranked 70th out of 144 — decently placed in the global gender scale.

In 2024 Malaysia plunged to 114th place — a 44 place drop in seven years.

The Philippines' 2017 chairmanship offered valuable lessons. By prioritising a gender equality in development strategies for decades before, the nation has produced two female presidents — Corazon Aquino (1986–1992) and Gloria Macapagal Arroyo (2001–2010) — while Indonesia had its female president, Megawati Sukarnoputri (2001–2004).

Malaysian women held 13.51 per cent of the seats in the Dewan Rakyat, Malaysia's House of Representatives, with 30 out of 222 parliamentarians being women. In 2024 we were placed 150th out of 190 countries in the Inter-Parliamentary Union's (IPU) global ranking for women's representation in national parliaments.

Despite years of advocacy, Malaysia has yet to elect a female prime minister, chief minister or menteri besar. Meanwhile countries like Bangladesh, Thailand, Singapore had women in top leadership roles.

Why? Political parties often prioritise loyalty and electability over merit, sidelining capable women who can contribute meaningfully to nation-building. If Malaysia aspires to leave a lasting impact during its Asean Chairmanship, it must take concrete actions beyond tokenism.

Malaysia is not short of talent. It is time to select leaders from a broader pool instead of limiting choices due to systematic barriers.

Promoting women's leadership at national, regional, and international levels is not just about fairness — it is about progress.

Malaysia's first Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, played a pivotal role in founding Asean, and championing unity and equality beyond national borders.

As far back as the 1950s, Malaya's pioneering women were the architects of political and social transformation. Long before the nation's independence, Kaum Ibu, Umno's women's wing, ignited the fight for women's rights. Under the formidable leadership of Khadijah Sidek, the members defied the odds, ensuring Malayan women not only gained the right to vote but also the right to contest in elections by 1955 — a legacy of courage that still echoes today.

That movement was driven by passion, dedication, and a genuine concern for women's issues.




Malaysia must break free from bureaucratic inertia and transform the Asean 2025 Women's Economic Forum into a powerhouse of influence. — Bernama pic

In January 2001, Prime Minister Tun Dr. Mahathir Mohamad established the Women's Affairs Ministry with only four staff members and an uncertain road plan. Within a few years, it expanded into the Ministry of Women, Family, and Community Development, addressing a wide spectrum of issues — from children and women to senior citizens and disaster victims.

The Ministry continued to grow, with numerous departments, institutions, welfare homes, and childcare centers, reaching 10,000 staff. Under the leadership of Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil (2001–2012), Malaysia hosted the first Non-Aligned Movement (NAM) Women Ministerial Meeting in 2005, resulting in the NAM Putrajaya Declaration and the NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW).

Despite this momentum, women's issues have taken a backseat in the past decade. Institutions and pillars of empowerment that the Ministry built were gradually dismantled.

"We must not take our foot off the pedal on women's economic empowerment. To be effective, there needs to be greater cross-pillar coordination between the Economic and Socio-Cultural pillars," Tan Sri Dr. Rebecca Sta Maria, Director of IDEAS, aptly stressed.

She also suggested that women's empowerment should be elevated to a standalone Asean pillar rather than being housed under the Asean Socio-Cultural Community (ASCC). This shift would ensure sustained attention and structured policies that drive long-term gender inclusivity across all Asean initiatives.

Perhaps, Malaysia should take the bold step of spearheading a new Asean pillar dedicated solely to streamline credible political leadership, gender-responsive budgeting and policy advocacy.

Malaysia's Asean Chairmanship is more than just about a leadership role — it is an opportunity to reshape the region's gender equality landscape. With firm commitments to real reform, Malaysia can turn its shortcomings into a catalyst for regional progress.

Malaysia must break free from bureaucratic inertia and transform the Asean 2025 Women's Economic Forum (WEF) into a powerhouse of influence.

At this late hour, we must identify a Women's Economic Leadership Council — a force of experienced, results-driven women who can catalytically drive real change at the WEF forum.

A nationwide talent search would surely uncover hidden female leaders, appointing them to decision-making roles with measurable KPIs. A Women's Economic Intelligence Unit must be established to shape policies with our easily available data, and recommend a cross-generational-mentorship network to accelerate leadership training regionally.

Malaysia did in NIEW on an international level, 20 years ago. We can leverage that experience.

The underrepresentation of women in Malaysia's parliament highlights the need for measures to promote gender parity in political participation. Today, as Asean Chair, Malaysia can has a historic opportunity by making gender parity and equality a cornerstone of regional progress.

Asean 2025 is Malaysia's moment to prove that action — not rhetoric — defines leadership.

If Malaysia fails to address its gender disparities while chairing Asean, it risks reinforcing the perception that gender equality is merely a political afterthought.

History will remember whether Malaysia rose to this occasion or let it slip away. If it leads with conviction, it can set a new regional standard for inclusivity and progress.

## Hari Wanita Antarabangsa: Norliza Seru Wanita Perkasakan Diri Demi Masa Depan

8 March 2025

KUALA LUMPUR, 8 Mac – Wanita perlu terus berusaha memperkasakan diri dengan ilmu dan kemahiran demi membina legasi yang bermakna untuk generasi akan datang, kata Naib Ketua Wanita UMNO Malaysia, Norliza Abdul Rahim.

Dalam perutusan sempena Hari Wanita 2025, beliau menekankan bahawa tema tahun ini, "Wanita Beraspirasi Membina Legasi", bukan sekadar slogan, tetapi satu seruan kepada semua wanita untuk terus melangkah ke hadapan dengan impian yang tinggi.




"Wanita beraspirasi adalah wanita yang membawa perubahan. Kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian semasa, tetapi harus terus memperkasakan diri dengan ilmu, kemahiran, dan daya saing," katanya.

Beliau turut menyeru agar wanita tidak ketinggalan dalam arus transformasi digital, terutama dalam era teknologi dan kecerdasan buatan (AI) yang berkembang pesat.

"Wanita harus berani meneroka bidang baharu dan menjadi pencetus inovasi demi membina legasi yang gemilang," tambahnya.

Menurut Norliza, legasi bukan sekadar kejayaan peribadi tetapi warisan untuk masa depan, sama ada melalui peranan sebagai ibu yang mendidik anak dengan nilai murni, pemimpin yang membawa perubahan, atau pendidik yang mencurahkan ilmu kepada generasi muda.

Beliau mengakhiri perutusannya dengan menyeru wanita agar memastikan usaha hari ini bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi juga demi manfaat generasi akan datang.

"Selamat Hari Wanita kepada semua wanita di luar sana. Anda adalah insan hebat!" katanya.

Norliza, yang juga Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), terus komited dalam memperjuangkan kepentingan wanita di Malaysia. – *UMNO Online*

# BMC Miri perluas program sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa

March 8, 2025, Sabtu - 2:29pm




Yeap menyampaikan cenderahati penghargaan kepada Serawa pada majlis sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 BMC Miri dan WEPS, hari ini.

MIRI: Borneo Medical Centre (BMC) Miri buat tahun ketiga menganjurkan sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 pada hari ini dengan pengisian pelbagai aktiviti kesihatan untuk pengunjung.

Sambutan disempurnakan Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Miri dan Presiden Persatuan Usahawan dan Profesional Wanita Sarawak (WEPS) Serawa Budol.

Pengarah Perubatan BMC Miri Dr Kenny Yeap berkata, program sambutan telah diperluaskan bertujuan untuk mendekati lebih ramai wanita dari semua lapisan masyarakat

"Ini mencerminkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan setiap wanita mempunyai akses kepada maklumat kesihatan, pemeriksaan penting, dan sokongan yang mereka perlukan untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat dan bahagia," jelasnya.

Yeap percaya wanita memainkan peranan penting bukan sahaja dalam keluarga tetapi juga dalam pertumbuhan dan kejayaan komuniti dan masyarakat secara amnya.

Beliau menambah, sama ada mereka usahawan, profesional, penjaga atau pemimpin, kesihatan wanita termasuk fizikal dan mental adalah penting untuk memastikan mereka boleh terus menyumbang dan berkembang maju dalam semua peranan ini.

Yeap memberitahu, sambutan kali ini melibatkan kerjasama antara BMC Miri dan WEPS dengan mengendalikan program iaitu seminar kesihatan, pameran produk dan perkhidmatan daripada usahawan wanita tempatan, pemeriksaan kesihatan percuma, termasuk pendaftaran HPV dan mamogram dan pelbagai sesi dan aktiviti interaktif di lobi pusat perubatan itu.

Antara penceramah yang terlibat ialah Pakar Bedah ENT Dr Doris Evelyn Jong, Pakar O&G Dr Teo Wan Sim dan Pakar Psikiatri Dr Ooi Soon Ming.

Sebanyak 13 reruai kesihatan juga dibuka sepanjang program ini.

# Wanita penting dalam pembangunan, pembentukan sesebuah keluarga: Ding

March 8, 2025, Sabtu - 2:44pm



Ding dan rombongannya mengagihkan sekuntum bunga kepada kaum wanita di sekitar Pasar Tamu Bintangor, hari ini.

BINTANGOR: Wanita berperanan penting dalam pembangunan dan pembentukan sesebuah keluarga.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meradong Datuk Ding Kuong Hiing berkata, pengorbanan dan jasa insan yang bergelar wanita perlu dihargai dan disanjung mulia.

"Semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur, bangsa dan agama perlu menghargai sumbangan kaum wanita kerana tanpa mereka, banyak perkara tidak dapat dilakukan.

"Wanita merupakan tunjang sesebuah keluarga dan sentiasa berkorban apa sahaja demi keluarga tercinta.

"Oleh yang demikian, kita amat berharap semua peringkat masyarakat menghargai jasa mereka serta memberikan kerjasama dan komitmen terbaik agar mereka sentiasa berasa dihargai," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis ringkas sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 Daerah Meradong di sini, hari ini.

Pada majlis ini, Ding bersama rombongannya telah mengagihkan 500 kuntum bunga kepada wanita di sekitar Pasar Tamu Bintangor.

Sementara itu, Ding menekankan peranan wanita adalah sama dengan kaum lelaki.

"Jika melihat pada masa kini, wanita memberikan sumbangan yang amat besar kepada pembangunan sesebuah negara.

"Kaum wanita telah menjawat pelbagai jawatan yang sama dengan kaum lelaki dan tiada lagi yang mustahil bagi mereka.

"Justeru, kita berharap kaum wanita dapat terus maju ke hadapan dan mencapai kejayaan demi kejayaan untuk dibanggakan bersama keluarga dan masyarakat," ujar Ding.

Hadir sama pada program itersebut ialah isteri Ding iaitu Datin Kueh Nai Fun, Ketua Pergerakan Wanita SUPP Cawangan Bintangor Kaunselor Chieng Ming Kiong,

Ketua Pergerakan Pemuda SUPP Cawangan Bintangor Ley Chee Hua, Setiausaha Wanita SUPP Cawangan Bintangor, Kapitan Wong Mee King, Bendahari Pemuda SUPP Cawangan Bintangor, Kapitan Leong King Yung, ahli-ahli Wanita dan Pemuda SUPP Cawangan Bintangor.

# SUPP Bawang Assan edarkan 300 peket kek kepada golongan wanita di bandar Sibu

March 8, 2025, Sabtu - 2:35pm



Lau (kiri) mengedarkan kek kepada salah seorang wanita di kawasan bandar Sibu sempena Hari Wanita Antarabangsa.

SIBU: Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Cawangan Bawang Assan mengedarkan 300 peket kek kepada golongan wanita di kawasan bandar sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa hari ini.

Pengerusi cawangannya Kaunselor Kevin Lau berkata, pasukan bergerak mereka mengedarkan kek kepada orang ramai di sekitar Jalan Raminway dan Jalan Wong Nai Siong.

"Kami menyediakan perkhidmatan (bergerak) kepada semua, tanpa mengira dari kawasan mana mereka berasal. Tetapi, apa yang lebih istimewa ialah hari ini merupakan Hari Wanita Antarabangsa.

"Jadi, kami juga mengambil peluang ini bersama Sayap Wanita SUPP Bawang Assan untuk mengedarkan hadiah kecil berupa kek kepada golongan wanita di kawasan bandar," katanya kepada pemberita ketika ditemui semasa program perkhidmatan bergerak di sebuah kedai kopi di sini, hari ini.

Mengenai sambutan Hari Wanita, Lau berkata ia bukan sahaja untuk mengiktiraf sumbangan wanita di rumah tetapi juga dalam pelbagai bidang lain.

Beliau turut melihat semakin ramai wanita kini tampil berkhidmat kepada masyarakat bersama rakan sejawat lelaki mereka.

"Oleh itu, adalah penting bagi kita sebagai sebuah komuniti untuk memberikan sokongan kepada wanita dan juga menggalakkan mereka. Selain itu, kita perlu bekerjasama dengan mereka.

"Hari Wanita Antarabangsa bukan sahaja untuk mengingatkan kita tentang kesaksamaan gender dan hak wanita.

"Ini juga untuk mengingatkan kita bahawa kita harus sentiasa memberi sokongan kepada mereka, terutamanya wanita yang telah tampil ke hadapan untuk berkhidmat kepada masyarakat," kata Lau.



Lau (duduk keempat dari kanan) dan pasukannya bergambar bersama semasa program Mobile Service 2U anjuran SUPP Bawang Assan.

Menyentuh mengenai perkhidmatan bergerak, beliau menjelaskan pasukan mereka bukan sahaja meliputi kawasan bandar tetapi juga mendekati penduduk setempat.

"Secara asasnya, perkhidmatan kami di sini merangkumi permohonan Kad Emas Kenyalang (KGC) dan Manfaat Kesihatan Warga Emas (SCHB).

"Dan, semestinya bagi kawasan Bawang Assan, kami bukan sahaja meliputi kawasan luar bandar tetapi juga membantu penduduk di kawasan bandar.

"Oleh itu, sejak kebelakangan ini, kami telah membawa perkhidmatan bergerak kami ke sekitar kawasan bandar," ujarnya.

Beliau mendedahkan kira-kira 50 set permohonan KGC dan SCHB telah diterima sepanjang perkhidmatan bergerak tersebut.

Penghulu Wong Ung turut hadir dalam program perkhidmatan bergerak itu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TENAGA KERJA WANITA HANYA 56% | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

GALAK LEBIH RAMAI GOLONGAN HAWA BEKERJA

# TENAGA KERJA WANITA HANYA 56%

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

**Georgetown**

Kerajaan menggalakkan wanita meningkatkan penyertaan dalam pasaran kerja di negara ini dengan statistik terkini Jabatan Perangkaan menunjukkan kadar tenaga kerja golongan Hawa hanya 56 peratus iaitu jauh lebih rendah berbanding lelaki yang meliputi 82.9 peratus.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying ***(gambar)*** berkata, wanita Malaysia menunjukkan bakat cemerlang dan ketabahan dalam pelbagai bidang dengan 65 peratus pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah golongan itu namun ramai terpaksa meninggalkan kerjaya kerana menjaga keluarga.

Beliau berkata, kerajaan menghargai peranan wanita sebagai tunjang keluarga dan kekuatan pendorong pembangunan negara sekali gus mengiktiraf sumbangan besar mereka.

Justeru katanya, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyokong wanita kembali dalam lapangan pekerjaan.

"Program *Returnship* oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti menyokong wanita kembali ke dalam industri dengan bantuan diperlukan selain kerajaan memperbaiki kemudahan asuhan kanak-kanak serta jagaan warga emas bagi membantu wanita mengimbangi tanggungjawab keluarga dan kerjaya.

"Langkah ini bukan saja meningkatkan pendapatan keluarga malah merangsang potensi penggunaan dan memacu pertumbuhan ekonomi dalaman," katanya kepada pemberita ketika mengedar 2,000 kuntum bunga bersama Ketua Menteri, Chow Kon Yeow pada Program Hari Wanita di Pasar Chowrasta, semalam.



Hui Ying berkata, bagi membantu wanita mengimbangi tanggungjawab keluarga dan kerjaya, kerajaan sedang giat memajukan kemudahan asuhan kanak-kanak awam dan jagaan warga emas.

Beliau berkata, Pulau Pinang sendiri sedang menuju ke arah masyarakat menua dan dijangka satu daripada empat penduduk negeri itu akan berusia lebih 60 tahun pada 2040.

"Saya akan bekerjasama dengan kerajaan negeri serta Adun untuk mempercepat pembinaan dan mempromosikan kawasan yang sesuai untuk warga emas dan penjagaan kanak-kanak bagi memastikan wanita mempunyai ruang seimbang antara keluarga dan kerjaya serta dapat meneruskan pembangunan karier masing-masing.

"Pemerkasaan wanita menjadi teras pentadbiran Kerajaan Madani, sama ada golongan itu memilih meneruskan perniagaan, memulakan kerjaya atau menjaga keluarga, kerajaan komited menyediakan mereka supaya dapat menjalani hidup dengan yakin," katanya.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, program mengedar bunga di Pasar Chowrasta sempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut 8 Mac setiap tahun dianjurkan sejak 2000 dengan matlamat meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan dan pembelaan hak wanita.

"Kita juga memerlukan lebih ramai wanita masuk semula dalam pasaran kerja kerana negara menghadapi cabaran tenaga buruh dan modal insan bagi menggerakkan ekonomi," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RETURN TO WORKFORCE, WOMEN URGED | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# RETURN TO WORKFORCE, WOMEN URGED

Only 56.2pc have careers despite talent, resilience, says deputy minister

SITI AMINAH MOHD YUSOF
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

THE government wants women who paused their careers in order to start a family to rejoin the workforce.

Deputy Finance Minister Lim Hui Ying said the Statistics Department's latest figures showed that only 56.2 per cent of the female population were in the workforce, compared with 82.3 per cent for men.

Malaysian women, she added, were talented and resilient, making up 65 per cent of undergraduates. However, many were forced to leave their careers to care for their families.


*Lin Hui Ying*

Lim said the government valued women for their role as the backbone of their families and their contributions to national development.

To support their return to the workforce, various initiatives have been introduced.

"The 'Returnship' programme by Bank Negara Malaysia and the Securities Commission helps women re-enter the industry by providing necessary assistance.

"The government is also improving childcare and elderly care facilities to help women balance family and career responsibilities," she said during an International Women's Day event at the Chowrasta Market here.

She added that strengthening support systems for working women would not only benefit households, but also boost the economy.

With Penang on track to become an ageing state, where a quarter of its population will be over 60 by 2040, Lim said she would work with the state government and assemblymen to speed up the development of elderly care, as well as childcare, centres.

Earlier, Lim and Penang Chief Minister Chow Kon Yeow distributed 2,000 flowers to women in conjunction with International Women's Day, an annual affair in the state since 2000.

"We need more women to enter the workforce as we are facing labour and talent shortages," Chow said.

"Strengthening the ecosystem that supports working women is key to addressing this challenge."

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | RM4.7 BIL FOR WOMEN IN BUSINESS | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | SUNDAY STAR |
| TARIKH : | 9 MAC 2025 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# RM4.7bil for women in business

**GEORGE TOWN:** Women striving for career success are set to benefit from a RM4.7bil funding allocated by various financial institutions to boost women entrepreneurship and economic participation, says Deputy Finance Minister Lim Hui Ying.

She said the initiative was aimed at unlocking women's potential and drive economic growth on top of enhancing child-care and elderly care facilities to help women with the duties for caring for their families.

"The government through small-medium enterprise facilities in banks has channelled the funds to help women operate micro, small and medium businesses.

"The Employees Provident Fund, also supports housewives under the age of 55 who are registered with e-Kasih, with a government contribution of 50% for every RM1 saved, up to RM300 per year and a lifetime limit of RM3,000," she said.

# Wanita main peranan penting dalam sektor awam, politik, tadbir urus dan perkhidmatan masyarakat: Tiang

March 8, 2025, Sabtu - 12:00pm



Kho (tengah), Jenny (enam kiri) pada upacara memotong kek sempena Majlis Makan Malam Sambutan Hari Wanita Sedunia anjuran Wanita SUPP Cawangan Pelawan. Turut kelihatan (dari kiri) ialah Lau, Ting dan Tiang.

SIBU: Wanita memainkan peranan penting dalam sektor awam menerusi sumbangan mereka dalam politik, tadbir urus dan perkhidmatan masyarakat yang kini setanding dengan golongan lelaki.

Timbalan Menteri Kesihatan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Michael Tiang Ming Tee berkata, dalam masyarakat, wanita tidak lagi terhad kepada peranan rumah tangga, mereka memberi sumbangan besar dalam pelbagai bidang termasuk politik.

"Bahagian wanita kami (Parti Rakyat Bersatu Sarawak) memainkan peranan penting dalam membentuk agenda politik dan memperjuangkan hak sama rata," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyempurnakan Majlis Makan Malam Sambutan Hari Wanita Sedunia anjuran Wanita SUPP Cawangan Pelawan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelawan itu memberitahu, Majlis Perbandaran Sibu (MPS) pada masa ini mempunyai empat orang ahli majlis (kaunselor) wanita.

"Saya mengumumkan pelantikan Jenny Ting Hua Hung iaitu Pengerusi Bahagian Wanita SUPP Pelawan sebagai ahli majlis wanita yang kelima.

"Ini jelas menunjukkan pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap keupayaan wanita dalam tadbir urus," ujarnya.

Beliau turut memetik seorang pemimpin wanita perintis di Sarawak iaitu mendiang Barbara Mendu sebagai inspirasi kepada wanita untuk melangkah ke hadapan dalam peranan kepimpinan.



Tiang menggagihkan kepada tetamu wanita pada Majlis Makan Malam Sambutan Hari Wanita Sedunia anjuran Wanita SUPP Cawangan Pelawan.

"Barbara Mendu merupakan kumpulan pertama jururawat dan bidan terlatih Sarawak, presiden pertama Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS), dan wanita pertama dalam Jawatankuasa Kerja Pusat SUPP. Mendiang percaya wanita tidak seharusnya hanya berada di dapur, tetapi harus memperjuangkan hak yang sama," katanya.

Tiang memberi jaminan bahawa SUPP Pelawan komited untuk menyediakan platform untuk penyertaan wanita.

"Di bawah kepimpinan bahagian wanita kami, kami telah mencipta peluang dalam sukan, khidmat masyarakat, politik, dan tadbir urus perbandaran, memastikan wanita mempunyai peluang yang sama seperti lelaki," tegasnya.

Beliau menggalakkan wanita muda untuk mengambil peranan kepimpinan, menekankan bahawa suara mereka sangat dihargai dalam membentuk masa depan.

"Kami memerlukan wanita dalam politik barisan hadapan. Pengaruh dan perspektif mereka adalah penting untuk membuat keputusan yang seimbang," katanya.

Pada majlis tersebut, turut diadakan sesi memperkenalkan ahli baharu parti cawangan Pelawan.

Turut hadir ialah Pengerusi Wanita SUPP Pusat Kho Teck Wan, Pengerusi SUPP Cawangan Pelawan dan Pengerusi MPS Clarence Ting Ing Horh, Ketua Pemuda SUPP Pusat Kaunselor Kevin Lau dan Pengerusi Wanita SUPP Pelawan Jenny Ting.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MCA CALLS FOR REFORMS TO BOOST GENDER EQUALITY | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**Stronger together:** Wong (centre) and secretary-general Chan Quin Er (Wong's right) presenting the petition for Gender Equality and Women's Rights with Wanita MCA members during its press conference for International Women's Day in Kuala Lumpur.

# Wanita MCA calls for reforms to boost gender equality

**By HO JIA WEN**
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Ten aspects of reform are needed to accelerate gender equality to mark this International Women's Day, says Wanita MCA.

Its chief Datuk Wong You Fong said gender inequality and unfair treatment still existed in many areas, which continued to hinder women's rights.

"Since our nation's independence, Malaysian women have faced many challenges and struggles in the fight for equal treatment," she said yesterday.

She said the 10 key demands were to accelerate gender equality and legal reforms to ensure that Malaysian women were not denied their basic rights.

The demands included ending unilateral conversion of children, passing the Anti-Discrimination Against Women Bill, revamping the sex offender's registry, criminalising marital rape and ending child marriage.

Wong also called for revamp mechanisms to enforce maintenance orders, increase access to affordable and quality childcare, increase political participation of women, pass the Social Work Profession Bill and strengthen laws on gender-based violence.

The theme this year, "Accelerate Action", reflected Wanita MCA's aspirations for action to progress, not regress, she added.

Wong also said many victims of sexual harassment remain silent, ashamed or afraid to speak up.

She said this indicated the country's weakness in protecting women's rights even after 30 years of signing the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (Cedaw).




EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh ketika melawat Tabika KEMAS Bukit Piatu. (Gambar Hiasan)

# TIGA TABIKA AUTISME MELAKA MULA OPERASI JULAI DEPAN

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID
SABTU, 8 MAC 2025 @ 9:30

TABOH NANING 8 Mac – Projek Rintis Tabika Berkeperluan Khas untuk Program Pembangunan Anak Autisme di Melaka dijangka mula beroperasi pada Julai depan.

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dalam satu kenyataan memaklumkan, Melaka merupakan negeri pertama yang melaksanakan projek berkenaan menerusi peruntukan RM300,000 daripada Kerajaan Negeri.

Menurut kenyataan itu, tiga Tabika Berkeperluan Khas itu akan dibangunkan di kesemua tiga daerah dalam Negeri Melaka iaitu Tabika KEMAS Air Hitam Pantai A di daerah Alor Gajah; Tabika KEMAS Hang Jebat A (Melaka Tengah) dan Tabika KEMAS Merlimau Barat 2 (Jasin).

"Pada tahun 2026, inisiatif ini akan diperluas dengan sasaran sekurang-kurangnya satu Tabika Berkeperluan Khas di setiap negeri.

"Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik KEMAS untuk memperluas akses pendidikan inklusif kepada kanak-kanak autisme.

"Ia bertujuan membantu mereka berdikari dan menjalani kehidupan yang lebih berkualiti, sejajar dengan agenda negara dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera," jelas kenyataan tersebut.

Kenyataan itu dikeluarkan bersempena Majlis Santunan Kasih Ramadan anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama KEMAS di Masjid Ar-Rahman, Kampung Rantau Panjang, di sini, hari ini.

Majlis itu diserikan dengan kehadiran Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh; Menteri Pendidikan Tinggi Dato' Sri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir; Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah Datuk Rubiah Wang dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KKDW Datuk Muhamad Khair Razman Mohammed Annuar; Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta lain-lain kenamaan.

Untuk rekod, Melaka adalah lokasi pertama penganjuran Majlis Santunan Kasih Ramadan daripada enam lokasi yang ditetapkan pada tahun ini.

# Utamakan pembangunan, perlindungan kanak-kanak

March 8, 2025, Sabtu - 5:08pm



Dr Teh (kanan) menyampaikan cederamata kepada Profesor Madya Dr Elizabeth Sheppard dari Sekolah Psikologi, Universiti Nottingham, United Kingdom yang merupakan salah seorang penceramah seminar tersebut.

SIBU: Pembangunan dan perlindungan kanak-kanak harus sentiasa diberi keutamaan untuk mengelakkan masalah kesihatan dan sosial jangka panjang, kata Pakar Pediatrik dan Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Sibu Prof. Dr. Toh Teck Hock.

Bercakap selepas seminar mengenai Pembangunan dan Perlindungan Kanak-Kanak di Hotel Kingwood hari ini, beliau menegaskan intervensi awal amat penting dalam menangani kelewatan perkembangan, pengabaian, dan penderaan yang boleh membawa kepada akibat serius seperti gangguan kesihatan mental, penyakit kardiovaskular, dan penyalahgunaan bahan terlarang apabila dewasa.

"Tahun-tahun awal kehidupan seorang kanak-kanak adalah kritikal dalam membentuk kesejahteraan masa depan mereka.

"Pengabaian dan penderaan pada peringkat ini boleh memberi kesan berpanjangan terhadap kesihatan fizikal dan emosi mereka.

"Oleh itu, pengesanan awal dan intervensi adalah kunci untuk memastikan kanak-kanak membesar dalam persekitaran yang selamat dan menyokong," katanya.

Majlis perasmian penutupan seminar tersebut disempurnakan oleh Pegawai Kesihatan Sibu Dr Teh Jo Hun.

Dr Toh memberitahu seminar tersebut menghimpunkan petugas kesihatan, guru, dan aktivis kebajikan kanak-kanak untuk membincangkan strategi berkesan, termasuk meningkatkan kesedaran, memperkukuh dasar, dan melengkapkan golongan profesional dengan kemahiran yang diperlukan untuk melindungi kanak-kanak.



Dr Toh (duduk, tiga dari kanan), Dr Teh (duduk, empat kanan) dan peserta lain bergambar bersama selepas seminar.

Beliau mendedahkan salah satu kebimbangan utama yang dibangkitkan ialah peningkatan risiko buli siber dan eksploitasi dalam talian, dengan para pakar menggesa ibu bapa serta penjaga supaya sentiasa peka terhadap cabaran era digital.

"Teknologi berkembang dengan pesat, begitu juga dengan bahaya yang wujud bersamanya.

"Ibu bapa mesti mendidik diri mereka tentang risiko dalam talian dan memastikan aktiviti digital anak-anak mereka dipantau dengan sewajarnya," tambah Dr Toh.

Beliau turut menekankan perlindungan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama yang melibatkan ibu bapa, penggubal dasar, pendidik, profesional kesihatan, dan media.

"Melindungi kanak-kanak bukanlah tanggungjawab satu individu atau institusi sahaja - ia memerlukan sistem sokongan yang kukuh.

"Kita memerlukan dasar yang mengutamakan kebajikan kanak-kanak, profesional yang terlatih dalam menangani isu perkembangan kanak-kanak, serta masyarakat yang komited dalam menyediakan persekitaran yang selamat untuk setiap kanak-kanak," katanya.

Seminar tersebut, yang disokong oleh Hospital Sibu, Pejabat Kesihatan Wilayah, Universiti Nottingham, dan NGO Agape Centre dihadiri oleh lebih 200 peserta.

# Heavy rain causes flooding in interior areas

Published on: Saturday, March 08, 2025
By: Ahmad Apong




The flooding in Beaufort.

**BEAUFORT:** Heavy rain on Thursday caused flooding in several areas, including Keningau, Nabawan, Sook and Tenom, following a rise of the Padas River water level.

Civil Defence Department (APM) Officer Captain Hazle Shah Abd Hamid said rescue agencies are on standby to evacuate victims.

The water level in the Padas River has risen to 9.27 metres, surpassing the danger warning level of 8.70 metres.

The department has been monitoring affected villages.

Hazle said several roads have also been affected. Jalan Batu 60 is impassable for all types of vehicles, as is Jalan Kampung Bakalau. However, Jalan Kampung Bingkul, Kampung Gumarit, Kampung Lago, Kampung Suasa, Kampung Kukup, Kampung Bangkalalak and Kampung Berumbai remain accessible to all vehicles.

Two schools affected are Sekolah Kebangsaan Suasa and Sekolah Kebangsaan Lago.

Hazle said the water level is expected to continue rising due to water flowing from Tenom towards Beaufort. This situation has been exacerbated by high tide conditions.

Beaufort Fire and Rescue Station Chief Muhammad Hasbullah Nenggok said rescue teams, including from the Fire and Rescue Department, police, APM and other agencies such as the Health Ministry, Social Welfare Department and Rela, are on standby at the Temporary Evacuation Centre (PPS).

He advised the Village Development and Security Committees (JKKKs) and community leaders to be prepared for evacuation of residents should the situation worsen.

He also advised residents in low-lying areas to store important documents in waterproof containers and to prevent children from playing in floodwaters due to the risk of encountering dangerous animals such as snakes and crocodiles.

Recently, there have been reports of crocodiles coming ashore in some flood-affected villages. Therefore, residents are urged to exercise caution when moving through floodwaters.

He further emphasised the importance of complying with evacuation orders from authorities. If residents are instructed to evacuate, they should do so immediately. Delaying evacuation could make it difficult for rescue teams to assist them as they may be occupied with other rescue operations.

At the PPS, residents need not worry about their safety and basic needs, as the Social Welfare Department provides separate tents for each family, along with food and drinks.

Health Ministry personnel conduct health checks, while the police and Rela ensure the safety of evacuees.

Residents are advised to remain vigilant and stay updated on the latest developments to ensure the safety of themselves and their families.

# Sarawak mula banjir, situasi di Sabah semakin buruk

BERNAMA



Gambar hiasan

Kuala Lumpur: Sarawak negeri terbaharu dilanda banjir melibatkan daerah Lawas manakala situasi bencana itu di Sabah semakin buruk dengan jumlah mangsa yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS), semakin meningkat malam ini.

Di **SARAWAK**, 35 penduduk dari empat kampung di Trusan, Lawas dipindahkan ke PPS yang dibuka di Dewan Trusan hari ini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak dalam kenyataan hari ini memaklumkan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Lawas digerakkan ke lokasi pada 10 pagi setelah menerima panggilan paras air Sungai Trusan mencatatkan 0.91 meter.

Mangsa terlibat adalah dari Kampung Ranau (10 orang), Kampung Lubuk Abai (enam), Kampung Seberang Kedai Trusan (14) dan Kampung Murud Suang Trusan (lima).

Operasi pemindahan yang dibantu pihak polis, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Sukarelawan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pejabat Daerah Trusan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat tamat pada 4.55 petang.

Di **SABAH**, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 1,010 orang daripada 325 keluarga setakat 8 malam ini berbanding 522 orang daripada 154 keluarga, 4 petang tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah dalam kenyataan memaklumkan sebanyak 20 kampung terjejas iaitu masing-masing 10 di Beaufort dan Membakut dengan trend pemindahan mangsa meningkat.

Menurut kenyataan, 780 orang daripada 249 keluarga dipindahkan di dua PPS di Beaufort iaitu PPS Dewan Selagon dan PPS Dewan Dun Banir manakala 230 orang daripada 76 keluarga berlindung di satu PPS di Membakut yang dibuka hari ini iaitu Dewan Kesenian Islam Membakut.

Di **MELAKA**, situasi banjir pulih sepenuhnya selepas PPS Sekolah Kebangsaan Parit Penghulu, Sungai Rambai, Jasin ditutup pada 5.45 petang tadi.

Pengarah APM negeri Lt Kol (PA) Kamarulsyah Muslim berkata empat orang daripada satu keluarga terakhir yang berlindung di PPS itu telah dibenarkan pulang ke rumah mereka di Jalan Simen, Batu Gajah petang tadi.

**Disiarkan pada: Mac 8, 2025 @ 11:00pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SATU LAGI LAPORAN DOKTOR BERKELAKUAN TAK SENONOH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Satu lagi laporan doktor berkelakuan tak senonoh

**Georgetown:** Polis menerima satu lagi laporan daripada seorang wanita yang mendakwa menjadi mangsa kepada seorang doktor perubatan sebuah hospital di sini, yang ditahan Khamis lalu kerana disyaki berkelakuan tidak senonoh terhadap mangsa.

Timbalan Ketua Polis Daerah Timur Laut, Superintendan Lee Swee Sake berkata, ia menjadikan sehingga kini tiga laporan polis dibuat terhadap doktor lelaki berusia 43 tahun itu.

Beliau berkata, dalam laporan polis yang dibuat kelmarin, wanita itu mendakwa kejadian berlaku pada 9.15 malam 20 Februari lalu di hospital tempat doktor pakar itu bertugas.

"Menurut wanita itu, doktor berkenaan meminta dia ke hospital untuk mengambil laporan ujian darah sebelum memperdayanya, kononnya dia ada penyakit jantung dan memerlukan pemeriksaan lanjut," katanya, semalam.

Beliau berkata, wanita itu kemudiannya diminta berbogel dan berlari setempat sebelum doktor berkenaan merakam perbuatan terbabit menggunakan telefon bimbit.

Lee berkata, polis turut menemui rakaman video berkenaan di telefon bimbit doktor itu dan siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengesan jika terdapat rakaman lain yang dibuat oleh suspek.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, lelaki yang sudah berkahwin itu juga mengaku terbabit beberapa kes berkelakuan tidak senonoh terhadap beberapa mangsa lagi.

"Lelaki itu masih direman sehingga 10 Mac bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955," katanya.

Media sebelum ini melaporkan pihak polis menahan reman lelaki itu pada 26 Februari lalu selepas menerima maklumat daripada pihak hospital berhubung perbuatannya, namun dia dibebaskan dengan jaminan polis pada 2 Mac.

Polis bagaimanapun menahan semula doktor berkenaan susulan laporan oleh seorang wanita berhubung kelakuan tidak senonoh lelaki itu di sebuah klinik swasta, yang didakwa berlaku pada 2023, dan dia kini direman hingga 10 Mac.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | THIRD VICTIM LODGES REPORT AGAINST DOCTOR | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 9 MAC 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Third victim lodges report against doctor

**GEORGE TOWN:** Police have received yet another report from a woman who alleged that she was a victim of indecent behaviour by a medical officer at a hospital here.

Northeast deputy OCPD Supt Lee Swee Sake said the latest report was lodged on Friday, making it the third complaint received regarding the case.

"The third victim reported that the incident took place at 9.15pm on Feb 20 at the hospital where the suspect was employed.

"According to the complainant, the doctor had summoned her to the hospital to collect her blood test report.

"He then deceived her into believing she had a heart condition that required further examination," he told Bernama yesterday.

Supt Lee said the 43-year-old doctor allegedly instructed the victim to undress, pretending to conduct a heart examination.

The doctor then ordered her to run around the area while recording the act on his mobile phone, he said.

"We have found a video recording on the suspect's mobile phone and are conducting further investigations to determine whether additional recordings exist.

"Initial investigations showed the suspect, a married man, admitted to multiple instances of indecent behaviour involving patients at the hospital and a private clinic where he worked part-time.

"We are continuing our investigations and are working to complete the investigation papers," he said.

Supt Lee said the suspect remains in custody until tomorrow to assist in the probe under Section 509 of the Penal Code and Section 14 of the Minor Offences Act.

According to earlier reports, police arrested the medical officer at a hospital here at about 9.30pm on Feb 26 after receiving information regarding the incident.

The suspect was remanded but released on police bail on March 2.

State Health director Datuk Dr Fazilah Shaik Allaudin said the department would provide full cooperation with the police regarding the case.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MAN HELD OVER SEXUAL ABUSE OF GRANDCHILD | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | SUNDAY STAR |
| TARIKH : | 9 MAC 2025 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Man held over sexual abuse of grandchild

**KOTA KINABALU:** A 10-year-old girl has told a doctor that her grandfather has been sexually abusing her since she was five.

The 62-year-old grandfather, who recently abused the girl in the toilet while her parents were away, was arrested last weekend.

Police revealed that the medical report showed there were old tears on the girl's genitals.

Keningau district police chief Supt Yampil Garai said the abuse was uncovered when the girl complained of pain in her private parts, prompting her aunt to take her to the hospital for a check-up.

While receiving treatment, the girl related to the doctor what her grandfather did and that she had endured the abuse since she was five.

"We picked up the 62-year-old man from his house at 1.15am on March 2 on suspicion of sexually abusing his granddaughter," said Supt Yampil.

The girl was under the suspect's care as her parents had travelled to Kuala Lumpur for their youngest child's heart surgery.